

## RINGKASAN EKSEKUTIF

---

Rancangan Pengurusan Hutan Negeri Selangor 2021–2030 (RPH Selangor 2021–2030) edisi kemaskini 2022 ini dihasilkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor berdasarkan kepada rangka kerja yang digariskan di dalam dokumen ‘Forest Management Planning Rules and Guidelines – Contents and Write-up of State Forest Management Plan’, ‘Technical Document’ No. B57, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM). Ia adalah selaras dengan keperluan untuk memelihara, memulihara dan mengurus sumber hutan secara berkekalan (SFM) seperti yang dinyatakan di dalam akronik 1985. Di dalam akta tersebut, menyatakan bahawa rancangan pengurusan hutan "ertinya suatu rancangan kendalian yang berhubungan dengan aktiviti atau program silvikultur, ekonomi atau pemuliharaan yang ditetapkan bagi sesuatu hutan simpanan kekal tertentu atau sebahagian daripadanya untuk memastikan pengambilan, penanaman semula dan pemuliharaan pokok-pokok dengan teratur mengikut prinsip perolehan berkekalan”.

RPH Selangor 2021–2030 edisi kemaskini 2022 ini juga beroperasi mengikut kerangka Pelan Tindakan Perancangan Strategik Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia 2008–2020. Pelan Tindakan ini mempunyai lapan objektif yang menitikberatkan pengurusan sumber hutan negara secara berkekalan, meningkatkan bekalan pengeluaran hasil dan perkhidmatan hutan, membangunkan teknologi mantap yang bersesuaian dengan keperluan alam sekitar, memelihara kepelbagaian biologi hutan, air dan tanah serta penggunaannya, meningkatkan kualiti dan kecekapan kilang-kilang pemprosesan, memperkukuhkan pembangunan sumber manusia dan meningkatkan kesedaran awam berhubung dengan peranan hutan.

RPH ini akan dijadikan sebagai dokumen rujukan asas untuk merancang dan mengurus Hutan Simpanan Kekal (HSK) secara berkekalan di negeri Selangor dalam tempoh 2021–2030. Skop RPH ini meliputi keseluruhan kawasan HSK bagi negeri Selangor iaitu hutan asli, hutan ladang dan hutan taman negeri. Ia akan melibatkan jangkamasa perlaksanaan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13). Semakan Separuh penggal RPH Selangor 2021–2030 ini pula akan dilaksanakan pada tahun 2025 atau 2026.

Adalah menjadi keperluan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) bagi menyediakan RPH Selangor 2021–2030 ini sebagai satu dokumen utama menguruskan sumber hutan yang sedia ada dan juga mengikut pensijilan hutan MC&I (SFM) negeri ini. Objektif RPH Selangor 2021–2030 negeri Selangor ini adalah selari dengan objektif Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992) iaitu untuk memelihara dan mengurus hutan secara berkekalan dan memastikan peranan dan kepentingannya dari segi sosioekonomi, kepelbagaian biologi dan pemuliharaan serta kestabilan alam sekitar sentiasa diambil perhatian.

Pada tahun 2022, negeri Selangor mempunyai keluasan hutan sebanyak 251,720.62 ha yang meliputi 32% dari luas tanahnya yang berjumlah lebih kurang 790,780.78 ha. Selangor bernasib baik memandangkan ekonomi utamanya tidak bergantung kepada sumber hutan. Perkara ini dapat membantu mengurangkan tekanan untuk mengusahakan hutan secara maksimum dan memudahkan lagi pemeliharaan HSK di Selangor terutama dengan adanya moratorium pengusahakan sejak tahun 2010. Walau bagaimanapun tekanan ke atas guna tanah untuk perkembangan ekonomi seperti perladangan, perindustrian, perumahan dan pembinaan lebuhraya merupakan ancaman utama dalam perancangan dan pengurusan hutan. Namun begitu menyedari kepentingan hutan terhadap persekitaran negeri seluruhnya, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa berusaha melaksanakan konsep pembangunan hutan secara lestari dan dari semasa ke semasa memastikan negeri ini masih mempunyai kawasan berhutan. Sebanyak 250,250.33 ha merupakan HSK yang terdapat di tiga jenis hutan utama iaitu hutan darat, hutan paya gambut dan juga hutan paya laut. Adalah dianggarkan yang keluasan hutan seluas ini mempunyai nilai stok karbon sebanyak 130.37 tC/ha bagi pokok berdiameter paras

dada (dbh) >10cm. Hutan darat dengan keluasan 148,590.41 ha merupakan hutan terbesar diikuti dengan hutan paya gambut (82,661.92 ha) dan hutan paya laut (18,998.00 ha).

Dengan kepelbagaian dan keluasan HSK yang sedemikian amat penting kawasan hutan ini diuruskan berpandukan kepada prinsip pengurusan hutan secara berkekalan ('Sustainable Forest Management', SFM), yang dikehendaki dan diterima oleh masyarakat global. Pengurusan hutan bukan sahaja untuk tujuan pengeluaran kayu-kayan bahkan juga untuk tujuan perlindungan dan rekreasi. Pengurusan hutan di Malaysia amnya dan di negeri Selangor khususnya menggunakan prinsip-prinsip pengurusan hutan secara berkekalan yang telah digariskan oleh badan antarabangsa seperti 'International Timber Trade Organisation' (ITTO) selari dengan perundangan dan peraturan Negara serta Negeri. Standard baru MC&I (SFM) yang dilaksanakan tahun 2021 akan menjadi kayu ukur untuk menilai pencapaian pengurusan hutan secara berkekalan di negeri Selangor.

Selaras dengan keperluan pengurusan hutan di negara ini, pengurusan hutan di negeri Selangor ditadbir berdasarkan pembahagian daerah hutan. Secara umumnya terdapat tiga daerah pentadbiran hutan di negeri Selangor iaitu Daerah Pantai Klang, Daerah Hulu Selangor dan Daerah Selangor Tengah. Daerah Hulu Selangor dengan keluasan HSK berjumlah 130,034.49 ha merupakan daerah yang mempunyai keluasan hutan terbesar dibandingkan dengan dua daerah hutan yang lain di negeri ini.

Di bawah Seksyen 10(1) Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara (EAPN) 1985, kesemua HSK perlu dikategorikan sebagai salah satu atau lebih dari sebelas (11) kelas fungsi hutan ('forest functional classes'). Berdasarkan kepada pengkelasan tersebut sejumlah 72,007.75 ha telah di kelaskan sebagai Hutan Pengeluaran, 18,118.53 ha Hutan Perlindungan Tanah, 44,606.78 ha Hutan Tadahan Air, 9,568.35 ha Hutan Perlindungan Hidupan Liar, 93,001.84 ha Hutan Taman Negeri dan 3,174.88 ha Hutan Penyelidikan.

| <b>Pengkelasan Hutan</b>                        | <b>Keluasan (ha)</b> |
|-------------------------------------------------|----------------------|
| Hutan Pengeluaran Kayu di bawah Perolehan Kekal | 72,007.75            |
| Hutan Perlindungan Tanah                        | 18,118.53            |
| Hutan Tadahan Air                               | 44,606.78            |
| Hutan Perlindungan Hidupan Liar                 | 9,568.35             |
| Hutan Simpanan Hutan Dara (HSHD)                | 2,199.00             |
| Hutan Lipur                                     | 5,411.37             |
| Hutan Pelajaran                                 | 2,411.93             |
| Hutan Penyelidikan                              | 3,174.88             |
| Hutan bagi Maksud-maksud Persekutuan            | 816.90               |
| Hutan Taman Negeri                              | 93,001.84            |

Terdapat 72,007.75 ha HSK yang telah kelaskan sebagai hutan pengeluaran di mana pengusahasilan secara berkekalan boleh dijalankan mengikut sistem pengurusan memilih (SMS). Kerajaan negeri Selangor telah melaksanakan polisi moratorium ke atas pengusahasilan selama 25 tahun bermula dari tahun 2010. Oleh yang demikian jika moratorium terus dilaksanakan maka tiada operasi pengusahasilan di HSK dijangka akan dijalankan oleh JPNS sepanjang tempoh RPH ini iaitu dari 2021–2030. Walau bagaimanapun, di bawah RPH ini, penggiraan Catuan Tebangan Tahun (CCT) telah dibuat bagi memberi ruang dan opsyen kepada JPNS untuk menjalankan pengusahasilan sekiranya moratorium pengusahasilan digugurkan. Sebagai langkah kontingensi sekiranya terdapat perubahan untuk membenarkan

pengusahasilan dijalankan semula, RPH Selangor 2021–2030 ini masih mencadangkan CTT seluas 710 ha/tahun untuk negeri Selangor.

Jika pengusahasilan dijalankan, langkah pencegahan akan diambil untuk mengurangkan kesan kepada alam sekitar dan dirian tinggal. Pematuhan kepada keperluan MC&I (SFM) serta panduan-panduan sediaada seperti di bawah adalah sangat penting.

- Panduan Penggunaan Bahan Kimia;
- Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Hutan;
- Panduan Pengusahasilan Berimpak Rendah 2003;
- Panduan Pembinaan Jalan Hutan 1999;
- Manual Perhutanan Jilid 1-3; dan
- Manual Kerja Luar 1997.

Penyeliaan aktiviti pengusahasilan dan penguatkuasaan oleh Jabatan Perhutanan akan memastikan semua operasi hutan dilaksanakan mengikut panduan dan spesifikasi yang telah ditetapkan. Pengusahasilan akan mengikut sepenuhnya Rancangan Pengusahasilan yang telah diluluskan. Di dalam RPH ini dinyatakan impak operasi hutan ke atas alam sekitar dan juga dicadangkan langkah pencegahan yang perlu diberi perhatian.

Selain daripada nilai ekonomi, hutan mempunyai nilai perlindungan persekitaran, kepelbagaian biologi dan sosiobudaya. Dalam tempoh RPH ini, perancangan perlindungan hutan adalah difokuskan kepada perlindungan fizikal, pemeliharaan kepelbagaian biologi dan pemulihan kawasan hutan miskin di dalam HSK yang terpilih. Aktiviti-aktiviti yang disenaraikan adalah selaras dengan aktiviti-aktiviti yang telah dikenalpasti dalam Teras 1 Pemeliharaan dan Pemuliharaan Hutan dan Teras 6 Pemeliharaan Kepelbagaian Biologi dalam Pelan Tindakan Perancangan Strategik Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia 2008–2020.

Di antara aspek yang difokus di bawah perlindungan fizikal termasuk:

- Penguatkuasaan undang-undang;
- Pewartaan semua kawasan yang telah ditubuhkan di bawah seksyen 10(1) (b)–(l) sepertimana yang diperuntukkan di bawah Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara (EAPN) 1985;
- Pemulihan kawasan hutan terosot dalam HSK terpilih;
- Pencegahan dan kawalan kebakaran hutan;
- Pencegahan dan kawalan makhluk perosak; dan
- Menghubungkan hutan fragmen dengan hutan lain.

Di bawah RPH ini juga penekanan telah dibuat untuk meningkatkan pemeliharaan kepelbagaian biologi hutan Malaysia. Hutan Simpanan Hutan Dara (HSHD) yang ditubuhkan di Semenanjung Malaysia merupakan kawasan pemeliharaan kepelbagaian dan sumber genetik spesies flora dan merupakan sumber bekalan anak benih bagi tujuan pemulihan. Namun demikian, jaringan HSHD yang terdapat sekarang merangkumi kawasan-kawasan hutan yang dianggap miskin dari segi usahasil tetapi kaya dari segi kepelbagaian spesies. Penubuhan Taman Warisan Selangor (TWNS) seluas 107,784 ha yang merangkumi kawasan-kawasan tanah tinggi di negeri Selangor adalah amat penting kerana melalui pendekatan ini, fungsi-fungsi asas yang menjamin keseimbangan ekosistem, alam sekitar dan kepelbagaian biologi di kawasan bukit dan pergunungan dapat dikekalkan. Penubuhan *Central Forest Spine* (CFS) juga mempunyai objektif yang sama dan bagi tujuan RPH ini, CFS adalah dianggap tergolong dalam TWNS dan semua cadangan yang melibatkan TWNS juga digunapakai bagi CFS.

Dalam konteks MC&I(SFM), kawasan-kawasan berhutan yang mempunyai nilai yang dianggap luarbiasa atau sangat tinggi nilainya boleh ditakrifkan sebagai Kawasan Bernilai Pemeliharaan Tinggi (HCVA). Penubuhan HCVA juga amat penting di bawah pensijilan hutan. Empat kawasan

HCVA telah ditubuhkan dalam RPH yang lepas iaitu Hutan Simpan (HS) Semangko (Kompartmen (Komp.) 5, ±22.0 ha), HS Kunching (Komp. 2 seluas ±28.8 ha dan Komp. 14 seluas ±6.25 ha). Kawasan Bernilai Pemeliharaan Tinggi (HCVA) HS Kunching telah ditubuhkan bagi pemuliharaan Merawan kanching (*Hopea subalata*) sementara HCVA HS Semangko bagi Meranti bukit (*Shorea platyclados*). Satu lagi HCVA yang baru ditubuhkan iaitu HCVA Meranti bunga. Petak Meranti bunga terletak di Kompartmen 27, Hutan Simpan Kuala Langat Selatan di dalam Daerah Hutan Pantai Klang. Keluasan petak ini adalah seluas ±5 ha. Pokok Meranti bunga atau *Shorea teysmanniana* merupakan sejenis tumbuhan yang di terdapat di hutan paya gambut atau dipterokarpa paya. Kriteria kawasan yang ditetapkan serta ditakrifkan sebagai HCVA adalah kawasan hutan yang mengandungi nilai-nilai seperti berikut:

- i. Kawasan hutan yang mengandungi tumpuan nilai-nilai biodiversiti yang penting pada peringkat global, serantau dan negara (contohnya: kawasan perlindungan, spesies terancam dan dilindungi, spesies bersifat endemik dan kawasan genting bermusim);
- ii. Hutan-hutan bertahap landskap yang luas pada peringkat global, serantau atau negara;
- iii. Kawasan-kawasan hutan yang berada di dalam ekosistem yang langka atau terancam, ataupun yang mengandungi ekosistem yang langka atau terancam;
- iv. Kawasan-kawasan hutan yang menyediakan perkhidmatan alam semulajadi yang asas dalam situasi genting (contohnya: kawasan tadahan air, kawalan hakisan tanah);
- v. Kawasan-kawasan hutan yang penting untuk memenuhi keperluan asas komuniti tempatan (contohnya: sara hidup, kesihatan); dan
- vi. Kawasan-kawasan hutan yang sangat penting kepada identiti kebudayaan tradisional komuniti tempatan.

Proses pemilihan kawasan HCVA pula perlu melalui beberapa peringkat seperti berikut:

- i. Pemilihan kawasan HCVA berdasarkan inventori hutan nasional, Inventori hutan sebelum/selepas tebaran, ekspedisi saintifik, bancian dan soal selidik yang dijalankan kepada masyarakat berhampiran/tempatan, pengalaman kakitangan dan stakeholder lain, nasihat daripada pakar dari pelbagai organisasi/agensi dan laporan-laporan bercetak;
- ii. Pemeriksaan kawasan cadangan HCVA oleh pegawai hutan daerah hendaklah menjalankan pemeriksaan kawasan bagi memastikan kawasan tersebut memenuhi kriteria penentuan HCVA mengikut format laporan pemeriksaan kawasan cadangan yang ditetapkan;
- iii. Penilaian maklumat dan pemetaan kawasan oleh pegawai hutan daerah kawasan berdasarkan maklumat yang diperolehi semasa pemeriksaan kawasan. Pelan kawasan perlu disediakan bagi menunjukkan lokasi, bentuk, keluasan dan ciri- ciri yang berkaitan. Laporan penilaian hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Perhutanan Negeri;
- iv. Perundingan dengan pihak berkepentingan bagi mendapat maklum balas dan pandangan ke atas cadangan penubuhan kawasan HCVA; dan
- v. Keputusan penubuhan kawasan HCVA dibuat oleh Pengarah Perhutanan Negeri setelah meneliti laporan dan maklum balas perundingan dengan pihak berkepentingan

Seterusnya, penubuhan HCVA melibatkan langkah-langkah seperti berikut:

- i. Penentuan kawasan HCVA;
- ii. Penomboran HCVA;
- iii. Penandaan sempadan;
- iv. Pengekalan zon penampan; dan
- v. Penyediaan papan tanda.

Selain itu, langkah-langkah menanda, mengekal dan/atau meningkatkan sifat-sifat HCVA boleh merujuk kepada Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Bil. 8 tahun 2015 (Panduan Penubuhan dan Pengurusan Kawasan Hutan Mempunyai Nilai Pemeliharaan Yang tinggi (HCVF) dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Semenanjung Malaysia).

Lagi satu aspek yang turut diberi fokus dalam RPH ini adalah perhutanan bandar dimana merupakan hutan di dalam atau di pinggir bandar yang dapat menyediakan fungsi ekologi serta memberi impak kepada sesuatu kawasan tersebut. Secara amnya, objektif Perhutanan Bandar adalah untuk mewujudkan suasana persekitaran yang segar, nyaman dan selesa di kawasan penempatan, perbandaran serta perindustrian. Buat masa ini, belum ada kawasan hutan bandar yang diuruskan secara langsung oleh pihak JPNS, walau bagaimanapun dengan kesedaran perubahan iklim dan keprihatinan awam terhadap kawasan hijau, penubuhan kawasan hutan bandar mampu menjadi ikon baru perkhidmatan JPNS. Beberapa cadangan telah dimasukkan dalam RPH ini untuk meningkatkan peranan JPNS dalam perhutanan bandar.

Melalui RPH ini, perkara baharu yang berbeza daripada RPH sebelum ini ialah penekanan lebih kepada pengurusan risiko yang terdapat di dalam Bab 9, maklumat-maklumat mengenai hasil hutan bukan kayu (NTFP) serta turut dimasukkan juga ialah berkaitan rundingan bersama pihak berkepentingan/pemegang taruh.

Selain itu, perbezaan antara RPH JPNS 2021–2030 ini dengan RPH sebelum ini ialah pengurusan hutan yang turut melibatkan penjanaan kekayaan baru iaitu melibatkan perdagangan karbon, bayaran perkhidmatan ekosistem hutan (PFES), penggunaan teknologi kearah menjadikan pengurusan hutan secara berkekalan (PHSB) di negeri Selangor lebih 'smart forest' serta analisis jurang iaitu maklumat pencapaian dan ketidakcapaian RPH terdahulu serta cabaran dan penambahbaikan daripada RPH juga turut dibincangkan melalui Bab 4.

Secara amnya RPH ini merupakan satu dokumen komprehensif yang mana pelaksanaannya adalah di bawah tanggungjawab Pengarah Perhutanan Negeri, dapat membantu JPNS dalam merancang, mentadbir serta mengurus hutan khususnya HSK secara teratur dan sistematik demi mencapai pengurusan hutan secara berkekalan. Adalah wajar dokumen ini menjadi rujukan utama dan dikemaskini dari semasa ke semasa dengan mengambilkira perubahan suasana sosial, politik serta alam sekitar.